

# Kali ke-4 rumah dipenuhi lumpur

■ Seramai 100 keluarga berdepan masalah selepas kolam tadahan tidak dapat tampung jumlah air

Siti Fatimah Nasir  
am@hmetro.com.my

## Semenyih

**K**ira-kira 100 keluarga di Taman Semenyih Permata terpaksa berdepan masalah banjir lumpur selepas kolam tadahan tidak dapat menampung jumlah air apabila hujan lebat sejak lima tahun lalu.

Penghuni taman itu, Razali Mohd Nor, 45, berkata, masalah itu dihadapi berikutan air dari lereng bukit mengalir masuk ke longkang dan memasuki kawasan tadahan air taman berkenaan.

"Masalah banjir ini dialami sejak 2012 dan berlarutan sehingga kini. Malah, masalah itu mengakibatkan rumah kami dimasuki lumpur hingga ke paras lutut pada 22 Mac lalu.

"Ini sudah masuk kali ke-

empat rumah saya dipenuhi lumpur berikutan tanah di lereng bukit mengalir masuk ke dalam longkang dan terus menuju ke kawasan tadahan air di taman ini," katanya ketika ditemui Harian Metro di taman terbabit, semalam.

Razali berkata, masalah itu berlaku setiap kali musim hujan menyebabkan air di kawasan tadahan melimpah keluar ke kawasan sekitar.

"Kawasan tadahan air itu tidak mampu menampung jumlah hujan yang tinggi berikutan tebingnya lebih tinggi dari paras kawasan perumahan, sekali gus mengakibatkan banjir lumpur.

"Keadaan ini menyebabkan setiap kali hujan lebat, kami bimbang sekiranya berlaku banjir lumpur di kawasan perumahan ini," katanya.

Menurutnya, penduduk sudah membuat aduan di Ja-



RAZALI menunjukkan longkang di lereng bukit yang mengalir ke kawasan tadahan air menyebabkan banjir lumpur di Taman Semenyih Permata.

batan Pengairan dan Saliran tahun lalu, namun pihak terbabit hanya membesarkan kawasan tadahan air tetapi

tidak secara menyeluruh dan mengakibatkan masalah itu menjadi bertambah buruk.

Katanya, sehingga kini,

persatuan penduduk sudah membuat aduan kepada Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), namun masih belum

ada tindakan diambil.

"Sudah lama kami menunggu pihak berkuasa bertindak dan menyelesaikan masalah ini dengan segera, namun sehingga kini masih belum menemui jalan keluar walaupun sudah lima tahun berdepan isu itu.

"Kini, kami hanya mahu pihak berkaitan untuk segera mengambil tindakan agar masalah ini tidak berulang semula," katanya.

Razali berkata, pihaknya mahu pihak terbabit mengalihkan aliran longkang dari arah bukit itu supaya air berkenaan tidak masuk ke kawasan tadahan.

"Ada sebahagian tindakan sudah diambil atas inisiatif penduduk dengan membina saluran yang dijadikan longkang supaya mengurangkan jumlah air yang masuk ke kawasan tadahan bagi mengelak banjir lumpur," katanya.